

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Borneo Post Online

TARIKH : Selasa, 13 Oktober 2015

BORNEO POST *online*
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Jadikan perpustakaan desa galeri, muzium mini

October 13, 2015, Tuesday



SADONG JAYA: Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri mencadangkan agar perpustakaan desa dijadikan galeri dan muzium mini bagi mempamerkan bahan berkaitan budaya, sejarah dan pembangunan sesebuah kampung dan negeri Sarawak amnya.

Beliau memberitahu, melalui pendekatan itu penduduk tempatan bukan hanya dapat membaca buku tetapi juga akan dapat menghayati sejarah silam serta jasa nenek moyang dalam membangunkan kampung dan negeri ini.

"Perpustakaan Desa Kampung Semera ini adalah manifestasi kepada hasrat murni kerajaan dan saya sarankan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan Pustaka Negeri Sarawak supaya perpustakaan desa ini turut dijadikan galeri dan muzium mini bagi mempamerkan bahan berkaitan budaya, sejarah dan pembangunan kampung khasnya dan negeri Sarawak amnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Pembukaan Perpustakaan Desa Kampung Semera di sini kelmarin.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Batang Sadong menambah, selain itu perpustakaan desa boleh dijadikan pusat komuniti bagi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan oleh kaum ibu, kaum bapa, golongan belia dan remaja.

"Aktiviti seperti kelab buku, bengkel kraf tangan, kelas kemahiran maklumat dan banyak lagi program keilmuan boleh dilaksanakan di sini.

"Sebab itulah kalau kita amati dengan teliti, semua negara yang maju dan kaya adalah mnegara yang juga kaya ilmu dan maklumat dan sebaliknya negara yang miskin ilmu dan maklumat adalah merupakan negara yang miskin dan mundur," jelasnya.

Justeru, dengan pembukaan perpustakaan desa itu, Nancy berkata ia akan menjadi pintu gerbang yang dapat meluaskan pandangan dalam memahami segala bidang ilmu pengetahuan.

"Semoga perpustakaan desa ini akan dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat demi kemajuan diri dan kemajuan negara yang kita sayangi," ujarnya.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sadong Jaya Aidel Lariwoo, Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak Tan Sri Datuk Amar Dr Hamid Bugo, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia Nafisah Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Rashidah Bolhassan.